

## **KUPASAN ARTIKEL ‘MALAYSIA: THE 2020 PUTSCH FOR MALAY ISLAM SUPREMACY’**

*(CRITICAL APPRAISAL ON MALAYSIA: THE 2020 PUTSCH FOR MALAY ISLAM SUPREMACY)*

James Chin, *The Round Table*, (2020), Vol. 109, No. 3, 288–297

<https://doi.org/10.1080/00358533.2020.1760495>

**Asmady Idris**

asmadyi@ums.edu.my

Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu,  
Malaysia

**Asri Salleh**

asrisalleh07@gmail.com

Universiti Teknologi Mara, Cawangan Sabah, Kota Kinabalu,  
Malaysia

**Mohd Rizal Mohd Yaakop**

rizaly@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi  
Malaysia

Received: 11 Februari 2020; Accepted: 8 April 2021

### ***Abstract***

*The 2018 General Election (PRU) marked a significant point in the history of Malaysian politics when the major opposition bloc Pakatan Harapan (PH) ended Barisan Nasional (BN) rule of 60 years since gaining independence in 1957. However, the PH government, led by ex-premier Tun Dr Mahathir Mohamad, only lasted 22 months. Accordingly, the sudden collapse of the PH government drew many to offer their respective analyses. James Chin (2020) wrote one of them titled ‘Malaysia: The 2020 Putsch for Malay Islam Supremacy’. He argued that, amongst the many reasons attributable to its sudden collapse, one stood out – the position of Islam and Malay supremacy in Malaysia. Since Malaysia is predominantly a Malay-Muslim country, such a profound claim warrants a thorough response. Thus, this study’s objective is to analyse and offer critiques on Chin’s work based on the three main factors, namely the concept of Malay supremacy, unreadiness of Malays to share power with non-Malays and the position of non-Malays*

*in the top government positions. This study utilised documentary analysis to uplift the discussion to fit the social contract concept and the Federal Constitution and strike a balance between extremist and utopian ideas that best suit Malaysia's political development reality. The study's main findings can be narrowed down to show the actual picture of Malaysian political genesis' uniqueness based on its own identity, which constantly rejuvenates and evolves across time and space.*

**Keywords:** *General Election 2018, Pakatan Harapan, Islam, Malay supremacy, Malaysian political genesis.*

### **Abstrak**

Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 dianggap sebagai suatu peristiwa bersejarah kerana berlakunya perubahan politik negara, iaitu kejayaan Pakatan Harapan (PH) menumbangkan pemerintahan Barisan Nasional (BN) lebih 60 tahun sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Dengan kemenangan tersebut, PH telah mengambil alih tampuk pemerintahan negara akan tetapi kerajaan pimpinan Tun Dr Mahathir hanya dapat bertahan selama 22 bulan sahaja. Kejatuhan Kerajaan PH yang singkat ini telah mengundang pelbagai persoalan. Salah satu analisis yang telah dibuat adalah melalui tulisan oleh James Chin (2020) yang bertajuk '*Malaysia: The 2020 Putsch for Malay Islam Supremacy*' yang cuba menjelaskan tentang faktor-faktor tumbanganya Kerajaan PH dengan mengaitkan kepada persoalan kedudukan Islam dan ketuanan Melayu di Malaysia. Dengan demikian, objektif kajian adalah kupasan dan kritikan terhadap penulisan James Chin dengan memberikan tumpuan kepada tiga faktor utama yang dinyatakan, iaitu konsep Ketuanan Melayu, kaum Melayu belum bersedia berkongsi kuasa dan kedudukan etnik bukan Melayu dalam jawatan tinggi pentadbiran. Metodologi kajian adalah berasaskan kepada analisis dokumentari dengan memfokus perbincangan kepada konsep Kontrak Sosial dan Perlembagaan Negara bagi menyederhanakan ideologi politik ekstrem dan bersifat utopia bersesuaian dengan realiti dan suasana perkembangan politik negara. Hasil penemuan utama kajian adalah dapat memberikan gambaran sebenar tentang acuan unik politik sendiri Malaysia yang mempunyai identiti tersendiri, tetapi sentiasa segar dan berevolusi supaya selari dan lestari dengan peredaran masa dan ruang.

**Kata Kunci:** *Pilihan Raya Umum 2018, Pakatan Harapan, Islam, Ketuanan Melayu, Acuan Politik Malaysia.*

### **Pendahuluan**

Artikel yang ditulis oleh James Chin bertajuk '*Malaysia: the 2020 Putsch for Malay Islam Supremacy*' diterbitkan pada tahun 2020 ini menarik untuk dikupas dan diberikan kritikan sebagai salah satu wadah perbincangan dalam dunia akademik. Artikel ini membincangkan mengenai beberapa faktor utama punca kejatuhan Kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada Februari 2020 setelah 22 bulan mentadbir negara. Perbincangan bermula dengan peranan Tun Dr. Mahathir memimpin gabungan Pakatan Harapan (PH) untuk menghadapi Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum 2018 yang lalu. Keputusan pilihan raya tersebut telah menyaksikan kejayaan PH menamatkan penguasaan pemerintahan BN di Malaysia dan dilihat boleh memberikan harapan baharu untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang bersifat lebih demokratik dan mewakili pelbagai kaum.

Namun demikian, usia pemerintahan PH hanya dapat bertahan selama 22 bulan sahaja. Faktor utama kejatuhan Kerajaan PH dikaitkan dengan ideologi Ketuanan Melayu yang begitu menebal dalam kalangan etnik Melayu. Ideologi ketuanan ini digambarkan sebagai suatu perasaan kebimbangan etnik Melayu tentang kedudukan keistimewaan mereka dan kesucian agama Islam. Oleh yang demikian, situasi ini telah membawa kepada anjakan perubahan politik yang besar apabila Parti United Malays National Organization (UMNO) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) telah bergabung membentuk gabungan ‘Muafakat Nasional’ (MN). Gabungan ini secara tidak langsung telah memberikan tekanan kepada Kerajaan PH agar sentiasa memberi keutamaan kepada kedudukan istimewa etnik Melayu dan Islam. Hasil daripada ini juga, peranan Tun Dr Mahathir dalam isu berbolak-balik penetapan tarikh pelantikan Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri kelapan juga mendapat kesan kerana pada masa yang sama, Tun Mahathir berusaha untuk menubuhkan sebuah kerajaan baharu lebih bersifat Melayu-sentrik bagi menggantikan Kerajaan PH. Walau bagaimanapun, usaha Tun Dr Mahathir tidak berjaya, malah usul untuk menubuhkan sebuah ‘Kerajaan Perpaduan’ juga tidak berhasil. Sebaliknya, Tan Sri Muhyiddin Yasin telah dipilih sebagai Perdana Menteri kelapan bagi menerajui pemerintahan negara di bawah Perikatan Nasional (PN).

Selain itu, faktor tumbangannya Kerajaan PH juga turut dikaitkan dengan kredibiliti dan keupayaan sebahagian ahli kabinet PH yang dianggap tidak efektif dan kurang berpengalaman. Keadaan ini sedikit sebanyak telah mengurangkan tahap keyakinan rakyat terhadap kemampuan Kerajaan PH. Bertitik-tolak daripada faktor-faktor yang dinyatakan, maka Kerajaan PH tidak dapat bertahan walaupun dalam tempoh sepenggal selepas berjaya memenangi Pilihan raya Umum 2018 yang lalu. Implikasi daripada kejatuhan Kerajaan PH, maka artikel tersebut menyatakan bahawa Kerajaan PN yang ada pada masa kini adalah bersifat Melayu-sentrik sepenuhnya dan keadaan ini tidak mengubah sistem dan lanskap politik Malaysia untuk keluar daripada kepompong ideologi nasionalisme berdasarkan etnik (*ethnic nationalism*) ataupun identiti politik lokal. Selanjutnya, artikel tersebut juga merumuskan bahawa etnik Melayu di Malaysia belum bersedia untuk berkongsi kuasa dengan etnik bukan Melayu. Oleh itu, kupasan dan analisis James Chin telah menarik minat kajian ini untuk meluaskan lagi skop perbincangan dengan mengaitkannya dengan konsep Kontrak Sosial dan Perlembagaan Negara.

Pada dasarnya, kejayaan PH menewaskan Parti Barisan Nasional (BN) buat kali pertama dalam Pilihan Raya Umum ke-14 tahun 2018 merupakan suatu kemenangan epik dengan mengambil kira tempoh pemerintahan BN yang mentadbir negara selama lebih 60 tahun. Seperti sedia maklum, Pakatan Harapan (PH) adalah satu gabungan parti politik yang terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), *Democratic Action Party* (DAP), Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), dan Parti Amanah Negara (Amanah). Setelah kerajaan baharu dibentuk, semua komponen PH bersetuju untuk melantik Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri ke-7 Malaysia.

Namun begitu, Kerajaan PH pimpinan Tun Mahathir ini tidak dapat bertahan lama apabila Tun Mahathir meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri pada 24 Februari 2020 beriringan juga dengan pengumuman keluar oleh Tan Sri Muhyiddin bersama 25 ahli PPBM yang lain dan 11 ahli PKR diketuai oleh Datuk Seri Azmin Ali dari PH. Berikutan daripada itu, Kerajaan PH telah tumbang disebabkan kehilangan majoriti kerusi untuk memerintah negara. Sebaliknya, Tan Sri Muhyiddin bersama-sama gabungan politik baharu, iaitu PPBM 11 bekas ahli PKR, Barisan Nasional (BN), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Parti Bersatu Sabah (PBS), dan Parti Solidariti Tanah Airku (STAR) telah berjaya menggantikan PH sebagai pentadbiran kerajaan baharu yang dikenali sebagai ‘Perikatan Nasional’ (PN) setelah mendapat perkenan oleh Yang di-Pertuan Agong bawah pimpinan Tan Sri Muhyiddin selaras dengan Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong boleh melantik seorang Perdana Menteri dalam kalangan Ahli Parlimen dan mempunyai sokongan majoriti dalam Dewan Rakyat. Sewaktu Persidangan Parlimen pertama diadakan pada 18 Mei 2020, Kerajaan PN berjaya memperoleh majoriti mudah sebanyak 114 kerusi berbanding dengan PH yang hanya memiliki 107 kerusi (Junhairi Alyasa, 2020).

## **Faktor Tumbangnya Kerajaan PH**

Berbalik kepada penjelasan tentang faktor-faktor utama menyebabkan tumbangnya Kerajaan PH, artikel tersebut mengaitkannya dengan isu ideologi “Ketuanan Melayu”, iaitu perbalahan Mahathir dan Anwar dalam isu perjanjian peralihan ‘Perdana Menteri’, usaha Tun Mahathir membentuk pakatan Melayu-sentrik baharu (*new Malay-centric coalition*) bagi mengenyahkan dakwaan bahawa pengaruh kaum bukan Melayu lebih dominan dalam PH, ketidakcekapan beberapa ahli kabinet PH disebabkan oleh kurangnya pengalaman pentadbiran dan kebimbangan majoriti etnik Melayu tentang hak sebagai kaum peribumi dan kedudukan agama Islam sehingga terbentuknya gabungan ‘Muafakat Nasional’ antara UMNO dan PAS. Dalam erti kata yang lain, satu kesimpulan telah dibuat bahawa etnik Melayu belum bersedia untuk berkongsi dalam kekuasaan politik sama rata secara mutlak dengan kaum bukan Melayu.

Pada dasarnya, faktor-faktor penyumbang kejatuhan Kerajaan PH yang dijelaskan adalah berdasarkan kepada analisis yang telah dibuat (walaupun hanya dengan membuat satu temu bual sahaja, merujuk nota kaki 17), berkaitan dengan kebimbangan etnik Melayu tentang hak keistimewaan mereka dan isu berkaitan dengan persepsi Tun Mahathir terhadap Anwar sebagai bakal Perdana Menteri kelapan adalah sesuatu yang menarik untuk lebih diperdebatkan lagi skop perbincangannya. Dalam hal ini, kajian ini ingin lontarkan kritikan terhadap tiga perkara yang dirasakan perlu kepada penjelasan lebih lanjut dan terbuka sifatnya dari sudut disiplin akademik berasaskan kepada fakta dan realiti keadaan. Tiga perkara tersebut adalah konsep ketuanan Melayu, kaum Melayu belum bersedia berkongsi kuasa dan kedudukan etnik bukan Melayu dalam jawatan tinggi pentadbiran.

## **Konsep Ideologi ‘Ketuanan Melayu’**

Perkara pertama adalah berkaitan kupasan penulis tentang ideologi ‘Ketuanan Melayu’ yang dijadikan sebagai faktor utama kejatuhan Kerajaan PH. Dalam hal ini, faktor ketuanan Melayu tidak dapat dinafikan kebenarannya tetapi cara dan pemahaman menghuraikan ideologi tersebut adalah bersifat sempit dan tidak berdasarkan kepada fakta yang ada. Huraian perbincangan hanya mengaitkan definisi konsep ini dengan merujuk kepada ucapan Tan Sri Abdullah Ahmad atau lebih dikenali sebagai “Abdullah Kok Lanas”, salah seorang pemimpin utama UMNO Kelantan, pada 30 Ogos 1986, sewaktu menyampaikan ceramah di *Institute of International Affairs*, Singapura kerana menggunakan istilah “Malay Dominance” tetapi kemudiannya diterjemah dalam bahasa Melayu sebagai ‘Ketuanan Melayu’ (Wan Ji Wan Hussin, 2018; Mohd Zahir Haqim, 2016; Mohamed Mustafa Ishak, 2014, p. 122-123) tanpa membahaskannya dalam konteks Perlembagaan Persekutuan. Dalam perkataan lain, adakah wujud istilah ‘Ketuanan Melayu’ (*Malay supremacy*) dalam Perlembagaan Negara atau sebenarnya lebih merujuk kepada terma ‘kedudukan istimewa’ (*special position*) kaum Melayu dan Bumiputera yang digunakan dalam Perkara 153 (1)?

Jika dirujuk Perkara 153 (1) ternyata bahawa istilah ‘kedudukan istimewa’ (*special position*) yang tertera dan bukannya “ketuanan”, iaitu: “(1) *It shall be the responsibility of the Yang di-Pertuan Agong to safeguard the special position of the Malays and natives of any of the states of Sabah and Sarawak and the legitimate interests of other communities in accordance with the provisions of this Article*” (Federal Constitution, 2018, p. 188). Kenyataan Perkara 153 (1) adalah amat jelas bahawa kedudukan istimewa (bukannya konsep ketuanan) kaum Melayu dan Bumiputera yang akan dilindungi dan yang lebih penting adalah dipersetujui bersama oleh semua etnik terutamanya etnik Cina dan India di Malaysia (Nazri Muslim, 2015, p. 37). Dalam nota rujukan artikel (No. 3) turut menyatakan bahawa istilah yang digunakan dalam Perlembagaan ialah ‘*special position*’ dan bukannya ‘*special rights*’. Dalam pada itu, kepentingan kaum-kaum lain di Malaysia juga akan terpelihara khususnya dengan pemberian kewarganegaraan secara *jus soli*, iaitu hak mendapat kerakyatan di sesebuah negara berdasarkan kelahiran dan pemastautin di negara tersebut (Nazri Muslim, 2015, p. 37).

Begitulah juga pandangan daripada Profesor Ulung Negara, Shamsul Amri Baharuddin yang mengatakan bahawa istilah Ketuanan Melayu hanyalah ciptaan ahli politik dalam menggambarkan kedudukan politik dan ekonomi orang Melayu. Kenyataan Profesor Shamsul Amri ini sebenarnya ditujukan kepada pendirian kepimpinan Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang mempersoalkan pemahaman istilah ketuanan Melayu sebagai sesuatu yang tidak diperlukan. Penjelasan Profesor Shamsul Amri turut disepakati oleh Profesor Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim yang mengatakan bahawa istilah ketuanan Melayu tidak perlu dibahaskan kerana istilah tersebut tidak wujud dalam Perlembagaan negara. Dari aspek sejarah, hanya istilah 'Ketuanan Raja' yang termaktub dalam Perlembagaan kerana rakyat perlu menunjukkan taat setia kepada raja, iaitu di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung (*Malaysiakini*, 2010). Berdasarkan perbincangan ini, sewajarnya skop penjelasan perlu merangka-konseptualkan konsep kedudukan istimewa dan ketuanan Melayu dalam konteks perdebatan intelektual antara bualan politik dan keluhuran Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian, dengan membicarakan kedudukan istimewa kaum Melayu dan juga Bumiputera, iaitu bukanlah suatu perkara yang baharu. Perkara ini telah lama dipersetujui sejak usaha dan langkah-langkah ke arah kemerdekaan Tanah Melayu untuk dijadikan "Persekutuan Tanah Melayu" pada tahun 1948 dan seterusnya pembentukan negara 'Malaysia' pada tahun 1963. Perkara ini sepatutnya tidak boleh dipertikaikan lagi, malah menjadi kewajipan dan tanggungjawab kepada setiap generasi untuk mentelaah semula lipatan sejarah dan memahaminya dalam konteks kehidupan masyarakat berbilang bangsa di Malaysia. Sememangnya sudah ada suara-suara daripada generasi terbaru khususnya kaum bukan Melayu yang mencadangkan agar perkara kedudukan istimewa kaum Melayu, terutamanya perihal hak kewarganegaraan berdasarkan prinsip *jus soli* kepada etnik bukan Melayu, dihapuskan dan diberikan secara automatik kepada semua kaum. Hal ini kerana status 'imigran' kaum bukan Melayu pada masa dahulu sudah berlalu dan kini mereka telah menjadi warganegara Malaysia sejak merdeka lagi. Suara tuntutan generasi muda seperti ini seakan-akan sudah melupakan ataupun menandakan betapa ceteknya ilmu mereka tentang prinsip Kontrak Sosial yang sudah dipersetujui sejak sebelum mencapai kemerdekaan (Nazri Muslim, 2015, p. 23; Paridah Abd. Samad, 2009, p. 41; Muhamad Ahmar Mahmad, 2019, p. 96-97).

Jika disoroti semula lembaran sejarah penubuhan Persekutuan Tanah Melayu dan Pembentukan Malaysia, sememangnya wujud insiden desakan dan tarik-tali antara kaum Melayu dan bukan Melayu, khususnya etnik Cina yang mendesak agar layanan kesamarataan kewarganegaraan perlu diberikan kepada semua penduduk di Malaysia seperti tuntutan Tan Cheng Lock (1883-1960), salah seorang pemimpin etnik Cina terawal dan Presiden Pertama Parti *Malayan Chinese Association* (MCA) yang mendesak agar British memberikan hak kewarganegaraan yang sama kepada semua etnik. Walau bagaimanapun, tuntutan ini tidak berjaya, sebaliknya dalam Laporan Malcolm MacDonald, *British Commissioner-General for Southeast Asia* (1948-1955), Kerajaan British telah bersetuju untuk mengiktiraf kedudukan istimewa etnik Melayu memandangkan keberadaan mereka di tanah air sendiri yang sudah berabad-abad lamanya (Mohamed Mustafa Ishak, 2014, p. 69-70, 72-73; Turnbull, 1987).

Keputusan Kerajaan British untuk mengiktiraf kedudukan istimewa etnik Melayu khasnya berkemungkinan juga timbul atas kesedaran pihak pentadbiran kolonial ini yang telah membawa masuk etnik imigran Cina dan India sejak akhir abad ke-19 lagi. Dengan kemasukan etnik imigran ini secara tidak langsung telah mengubah struktur demografi masyarakat Tanah Melayu menjadi lebih bersifat masyarakat pluralistik (pelbagai etnik dan kaum) dan yang lebih parah lagi telah menghakis status majoriti etnik Melayu itu sendiri. Sebagai contoh, pada tahun 1835, jumlah penduduk etnik Melayu mewakili sebanyak 85.9 peratus berbanding dengan dengan Cina yang hanya sekitar 7.7 peratus sahaja. Bagaimanapun, pada tahun 1931, jumlah peratusan penduduk etnik di Tanah Melayu mengalami perubahan mendadak apabila peratusan antara etnik Melayu berjumlah 49.2 peratus, manakala peratusan etnik Cina telah meningkat sebanyak 33.9 peratus (Mohamed Mustafa Ishak, 2014, p. 58; Koon, 1996, p. 33-34; Muhamad Ahmar Mahmad, 2019, p. 94-95). Tanpa dinafikan kebimbangan etnik Melayu terhadap jurang majoriti yang

semakin menipis, maka idea penubuhan Malaysia dengan menggabungkan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak (Singapura keluar pada tahun 1965) juga dianggap sebagai jalan penyelesaian terbaik agar status majoriti dapat dikekalkan dan kepimpinan negara terus diterajui oleh etnik Melayu dan Bumiputera sebagai kumpulan etnik yang mempunyai kedudukan istimewa dalam konteks Perlembagaan.

Selain jumlah majoriti etnik Melayu yang semakin terhakis, pencapaian mereka dalam sektor ekonomi juga adalah meruncing. Contohnya, sekitar tahun 1957, perbezaan pendapatan bulanan isi rumah antara etnik Melayu dan Cina adalah masing-masing berjumlah RM144 dan RM272 dan terus menunjukkan lonjakan perbezaan pada tahun 1970, iaitu RM172 dan RM394. Kadar peratusan kemiskinan pula pada era 1970-an ini, sebanyak 74 peratus etnik Melayu hidup dalam kemiskinan berbanding dengan hanya 25 peratus bagi etnik Cina (Koon, 1996, p. 40). Bagi pemilikan saham di syarikat-syarikat berhad pada tahun 1969 atau awal 1970-an, sebanyak 90.5 peratus adalah milik etnik Cina berbanding dengan etnik Melayu yang hanya memiliki saham sekitar 5.9 peratus. Berganjak ke tahun 2004, peratusan hak milik modal saham masih didominasi oleh etnik Cina sebanyak 39 peratus berbanding dengan Melayu-Bumiputera 18.9 peratus. Dari segi peratusan pemilikan bangunan dan premis komersial pula, etnik Cina menguasai sebanyak 72.6 peratus dan etnik Melayu-Bumiputera hanya mencapai 12.7 peratus (Mohamed Mustafa Ishak, 2014, p. 111; Nazri Muslim, 2015, p 176-179).

Pada masa kini, khasnya di bawah kepimpinan PN dengan agensinya, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), yang juga telah bermula sewaktu era bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib (Mahanum Abdul Aziz & Faris Fuad, 2017) yang terus memperkasakan etnik Melayu dan Bumiputera dengan usaha mewujudkan “bangsa usahawan”, iaitu membudayakan bidang usahawan bagi mempertingkatkan kecapaian mereka dalam pelbagai sektor ekonomi. Hal ini menunjukkan bahawa masih terdapat jurang yang agak besar antara etnik Melayu-Bumiputera dan etnik bukan Melayu. Sehingga ke hari ini (merujuk tahun 2019), peratusan kemiskinan Melayu-Bumiputera adalah berada pada kadar 7.2 peratus berbanding dengan dengan etnik Cina 1.4 peratus dan India 4.8 peratus. Peratus pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat pada tahun 2015 adalah 16.2 peratus dan bukan Bumiputera sebanyak 30.7 peratus dan pegangan asing sebanyak 45.3 peratus (Hayati Ibrahim, 2020). Mengambil kira keadaan dan situasi yang agak tidak menyebelahi ini, maka sewajarnya status dan kedudukan istimewa etnik Melayu dan Bumiputera tidak perlu dipertikaikan lagi. Perkara asas yang lebih penting adalah terus memupuk ikatan perpaduan dan melipatgandakan usaha secara menyeluruh bagi merapatkan jurang perbezaan sosioekonomi antara etnik di Malaysia.

Berbalik kepada pandangan yang dinyatakan dalam artikel tersebut bahawa kejatuhan PH disebabkan oleh semangat ketuanan Melayu, maka semestinya perkara ini perlu dibahas dalam konteks persetujuan Kontrak Sosial dan Perlembagaan yang telah memberikan beberapa hak keistimewaan kepada etnik Melayu dan Bumiputera yang merupakan tuan rumah tanah air tercinta ini. Sehubungan dengan itu, etnik Melayu dan Bumiputera berasa terancam jika corak dan pucuk kepimpinan negara sudah tidak lagi berpaksi kepada mempertahankan kedudukan istimewa orang Melayu. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna kedudukan istimewa ini akan menjadikan etnik-etnik bukan Melayu di Malaysia terabai. Sejak merdeka lagi interaksi dan jalinan persahabatan antara etnik di Malaysia telah dipergiatkan sejak awal pasca kemerdekaan hingga kini. Namun demikian, di samping usaha dan langkah integrasi yang dilaksanakan sehingga kepada perkongsian sambutan hari perayaan seperti *Gongxi Raya* dan *Depa Raya*, tetapi perlu diakui juga bahawa masih ada tembok-tembok pemisah yang menghalang proses integrasi antara kaum termasuklah kewujudan sekolah-sekolah vernakular di Malaysia pada masa kini yang berdasarkan kepada etnik dan kaum tertentu.

Keunikan kepelbagaian di Malaysia yang perlu diterima oleh setiap etnik di negara ini agar menghormati dan menghayati tatasusila, adat resam dan kepercayaan masing-masing agar kestabilan dan keharmonian terus terpelihara dari masa ke semasa seperti kenyataan tegas oleh Perdana Menteri pertama Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang mempertahankan kepentingan kedudukan istimewa

etnik Melayu dengan berkata: *“It was necessary for Malays to be protected otherwise they would go under as has happened in Singapore or Penang”* (Nik Anuar Nik Mahmud et al., 2011, p. 173). Pendirian Tunku ini disokong penuh oleh Tan Siew Sin, Presiden Parti MCA yang ketiga, dengan pernyataannya: *“...was not only for the benefit of the Malay themselves but in the interest of the country as a whole in order to bring the Malays up to something nearer quality with other races”* (Nik Anuar Nik Mahmud et al., 2011, p. 173).

Selain itu, terdapat juga persoalan sejauh manakah kedudukan istimewa etnik Melayu dan Bumiputera ini akan dipertahankan selama-lamanya atau akan mengalami perubahan mengikut peredaran masa? Dalam hal ini, terdapat tiga pandangan yang boleh dikongsi bersama. Berdasarkan sudut pandangan daripada Parti UMNO yang bertegas memastikan agar kedudukan istimewa etnik Melayu ini sentiasa terjamin tanpa ada sebarang langkah ke arah pengurangan mahupun penghapusan hak-hak istimewa tersebut (Nazri Muslim, 2015, p. 111). Prinsip UMNO telah mendapat kritikan daripada Syed Husin Ali (2008, p. 47-49) yang mendakwa bahawa UMNO hanya mewakili segolongan elit Melayu sahaja dan bukannya keseluruhan. Oleh yang demikian, Syed Husin menganjurkan agar kedudukan istimewa ini yang telah memberikan kuasa politik kepada etnik Melayu agar dapat dimanfaatkan kepada semua lapisan kaum Melayu dan Bumiputera. Menurut Tun Dr Ismail (1915-1973), salah seorang arkitek yang merangka intipati Kontrak Sosial, berpendapat bahawa terpulang kepada etnik Melayu untuk menentukannya seperti ujarnya: *“...The only point controversy is the duration of the ‘special position’ – should there be a time limit or should it be permanent? I made a suggestion which was accepted, that the question be left to the Malays themselves, because I felt that when Malays became educated they will do away with this position. Special position is a slur on the ability of the Malays and only temporary for their survival”* (Beng, 2007, p. 82-83). Dalam perkataan yang lain, perihal keistimewaan etnik Melayu hanya ‘tempoh masa’ sahaja yang menjadi suatu perdebatan, iaitu adakah keistimewaan ini ditamatkan pada masa akan datang ataupun bersifat kekal? Merujuk hal ini, Tun Dr Ismail lebih cenderung untuk memulangkan persoalan tempoh masa ini kepada etnik Melayu sendiri.

### **Kaum Melayu Belum Bersedia Berkongsi Kuasa**

Adapun perkara kedua yang menarik perhatian untuk dibahaskan berkenaan dengan intipati perbincangan artikel ini ialah kesimpulan mudah yang dinyatakan, iaitu kaum Melayu belum bersedia untuk berkongsi kuasa dengan kaum bukan Melayu di negara ini. Berkemungkinan besar ulasan dibuat adalah berdasarkan kepada konsep ‘Malaysian Malaysia’ yang diperjuangkan oleh Parti *Democratic Action Party* (DAP) yang idea asalnya adalah perjuangan Lee Kuan Yew (1923-2015), Presiden Parti *People’s Action Party* (PAP) dan Perdana Menteri Singapura yang pertama. Konsep ini memperjuangkan ideologi *‘egalitarian principles’* atau kesamarataan antara kaum secara liberal dan menolak pengaruh atau kuasa dominan oleh mana-mana etnik atau kaum terhadap yang lain (Koon, 1996, p. 42; Rizal Yaakop, 2011; Barraclough, 1985). Konsep *Malaysian Malaysia* sudah semestinya bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan kerana mencabar hak keistimewaan etnik Melayu dan Bumiputera di Malaysia. Konsep ini telah ditolak oleh etnik Melayu dan Bumiputera kerana mengancam kedudukan istimewa mereka yang sudah dijamin dalam Perlembagaan (Yunus Tasim, 2019). Sewajarnya sebarang perbincangan perlu peka dan prihatin dengan naratif dan lanskap politik Malaysia yang bergantung kepada beberapa angkubah penting terutamanya demografi majoriti etnik Melayu dan Bumiputera, agama Islam dan interaksi politik dan sosiobudaya antara etnik Melayu dan Bumiputera dengan etnik bukan Melayu.

Oleh hal yang demikian, untuk mentadbir negara yang memiliki rencam kepelbagaian kaum dan kepercayaan agama seperti Malaysia bukannya mudah. Merujuk kepada negeri Sabah sahaja telah memiliki lebih daripada 40 suku kaum (ditambah lagi dengan negeri Sarawak), maka sudah semestinya apapun bentuk diskusi perbandingan politik dengan negara-negara yang tidak mempunyai kepelbagaian seperti Malaysia termasuklah negara Fiji (pilihan kajian artikel), mahupun Singapura sebagai jiran terdekat adalah merupakan

suatu pendekatan yang kurang bijaksana. Setiap negara sebenarnya sebagai sebuah negara berdaulat dan merdeka bebas untuk menentukan acuan politik mereka sendiri kerana perkara yang lebih penting ialah suasana kestabilan dan keamanan dapat diwujudkan agar rakyat dapat menikmati kemakmuran hidup. Pada masa yang sama, perlu diakui bahawa fenomena *Arab Spring* yang bergelora dalam kalangan negara-negara Arab untuk menumbangkan rejim lama dan membentuk sebuah kerajaan demokratik baharu adalah gagal. Misalnya di Mesir, walaupun berjaya menubuhkan sebuah kerajaan demokrasi pimpinan Presiden Morsi, namun tidak kekal lama dan kini kembali kepada kerajaan berasaskan kepimpinan ketenteraan oleh Jeneral Presiden Al-Sisi. Inilah pilihan yang telah dibuat dan terpulang kepada pemimpin dan rakyat negara Mesir menentukan hala tuju kepimpinan politik mereka seterusnya.

Begitu juga dengan susunan dan perjalanan politik di Malaysia. Pada dasarnya, kerjasama politik antara etnik Melayu dan bukan Melayu sudah pun terjalin sejak sebelum merdeka lagi. Kemungkinan perbincangan dalam artikel tersebut terlupa dengan gabungan “Parti Perikatan” (*Alliance Party*) antara UMNO dan MCA pada tahun 1952 dan kemudiannya disertai oleh MIC dua tahun berikutnya. Parti Perikatan ini kemudiannya dikenali sebagai “Barisan Nasional” (BN) pada tahun 1974 hingga kini (Hashim Haji Musa, 2009, p. 68). Sejumlah 14 komponen parti-parti dalam BN seperti UMNO, MCA, MIC dan beberapa parti dari Sabah dan Sarawak sudah sewajarnya menzahirkan perkongsian kuasa antara etnik Melayu, Bumiputera dan bukan Melayu. Apakah ini masih tidak memadai? Tanpa dinafikan sememangnya UMNO lebih dominan dalam BN tapi itulah realiti politik di Malaysia kerana struktur demografi mempengaruhi perkembangan politik tanah air, iaitu kepundakan kuasa politik negara diterajui oleh etnik Melayu dan Bumiputera kerana mereka adalah penduduk majoriti. Bagaimanapun, kerjasama parti-parti dalam BN sekurang-kurangnya berjaya memastikan keharmonian antara etnik dan kestabilan politik dapat dikekalkan terutamanya sejak tercetusnya Tragedi 13 Mei 1969.

Tidak memadai dengan gabungan parti dalam BN sahaja, malah akibat keinginan meluap-luap parti-parti pembangkang yang ada untuk menamatkan dominasi BN, mereka juga telah mewujudkan beberapa pakatan politik seperti Angkatan Perpaduan Ummah (APU), Barisan Alternatif (BA), Pakatan Rakyat (PR) dan Pakatan Harapan (PH). Perlu diingat juga bahawa komponen parti-parti yang bernaung dalam pakatan pembangkang ini juga mewakili kerjasama politik antara parti Islam etnik Melayu PAS, parti pelbagai etnik Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan parti etnik Cina DAP yang tidak memberikan sokongan kepada MCA ataupun Parti Gerakan. Kerjasama PR dalam Pilihan raya Umum 2008 telah mencatat kejayaan yang besar apabila berjaya mengakhiri dominasi dua-pertiga kerusi BN yang sering dimenangi setiap kali Pilihan raya Umum sejak pasca 1969 (Moten, 2011; Singh, 2010).

Kejayaan awal PR ini seterusnya dimahkotakan oleh PH apabila menumbangkan BN dalam Pilihan raya Umum 2018 yang lalu. Namun begitu, wujud beberapa permasalahan dalaman antara komponen parti terutamanya isu peralihan kuasa Perdana Menteri oleh Tun Dr Mahathir kepada Anwar dan lain-lain lagi, maka kerjasama politik antara etnik Melayu dengan bukan Melayu dalam PH ini akhirnya tumbang pada 24 Februari yang lalu kepada Perikatan Nasional (PN). Jika diamati, PN juga merupakan jalinan kerjasama politik antara etnik Melayu, Bumiputera dan bukan Melayu dan telah didaftarkan secara rasmi pada 7 Ogos 2020 yang lalu. Bagi peringkat negeri Sabah dan Sarawak juga tidak terkecuali dengan tertubuhnya beberapa parti atau gabungan parti yang mewakili kepelbagaian suara dan identiti etnik-etnik tertentu seperti Parti Perikatan Sabah antara *United Sabah National Organisation* (USNO), *United National Kadazan Organisation* (UNKO) dan *Sabah Chinese Association* (SCA), Parti Berjaya, Parti Bersatu Sabah, Gabungan Rakyat Sabah (GRS), Warisan-Plus, Sarawak Alliance, Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan lain-lain lagi (Tilman, 1964-1965; Milne, 1965; Tilman, 1976; Radzi Bujang & Harun Yahya, 2018; Asyikin Asmin & Erdiehazzuan Ab Wahid, 2020).

Sebenarnya, kerjasama politik dan perkongsian kuasa antara etnik Melayu, Bumiputera dan bukan Melayu sudah lama terjalin sejak pramerdeka hingga ke hari ini. Setiap perwakilan kepimpinan etnik di Malaysia telah diberikan peluang dan ruang untuk memperjuangkan agenda politik masing-masing. Menang



ataupun kalah dalam pilihanraya merupakan lumrah sifat terajang dunia politik. Oleh yang demikian, sekiranya dikatakan etnik Melayu belum bersedia untuk berkongsi kekuasaan politik dengan etnik bukan Melayu adalah suatu pandangan yang tersasar. Hal ini kerana gabungan parti-parti politik yang ditubuhkan sama ada dari kem pemerintah ataupun pembangkang yang terdiri daripada rangkuman acuan politik antara etnik Melayu dan bukan Melayu telah berkongsi ideologi dan agenda politik mereka sejak sekian lama. Berkemungkinan perkara yang diinginkan dalam artikel tersebut, seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, iaitu suatu kerjasama dan perkongsian kuasa berdasarkan kepada konsep utopia ‘Malaysian Malaysia’ yang semestinya tidak akan berlaku kerana selain faktor demografi penduduk, Perlembagaan Malaysia juga tidak membenarkannya berikutan jaminan kedudukan istimewa etnik Melayu dan Bumiputera.

Dengan demikian, kajian ini menyarankan untuk menonton dan membuat analisis sendiri tentang filem ‘*Lincoln*’ yang dihasilkan pada tahun 2012 arahan Steven Spielberg berdasarkan kepada sebuah buku bertajuk ‘*Team of Rivals: The Political Genius of Abraham Lincoln*’ (2005). Intipati utama filem ini adalah bagaimana tekanan dilema yang dihadapi oleh bekas Presiden Amerika Syarikat, Abraham Lincoln (1809-1865), mengenai persoalan ‘*equality*’ (kesamarataan) antara etnik kulit putih dan kulit hitam. Jika konsep *equality* diseragamkan, maka kekuasaan hegemoni dan darjat etnik kulit putih akan terancam. Oleh yang demikian, bagi memastikan etnik kulit hitam terbela dan pada masa yang sama, hegemoni dan darjat kulit putih terpelihara, maka keputusan telah dicapai oleh Abraham Lincoln bahawa pelaksanaan konsep *equality* terhadap etnik kulit hitam hanyalah dalam konteks perundangan (*equality before the law*) sahaja, iaitu sistem perundangan negara Amerika Syarikat akan membela hak dan kebajikan etnik kulit hitam dan bukannya mengangkat makna kesamarataan dalam konteks darjat dan martabat etnik kulit putih. Dalam konteks Malaysia, pemahaman ekstrem ‘*equality*’ adalah berada pada tahap sederhana dan tidak berunsurkan sebarang penindasan ataupun diskriminasi kerana berprinsipkan kepada keluhuran roh Perlembagaan negara.

### **Etnik Bukan Melayu dalam Jawatan Tinggi Pentadbiran**

Seterusnya, kenyataan yang tercatat dalam artikel tersebut ialah etnik bukan Melayu tidak akan pernah memegang jawatan tinggi dalam jentera pentadbiran negara (*Non-Malays can live in harmony in Malaysia, but they cannot have equal political rights and can never hold the top positions in government and key institutions*) (James Chin, 2020, p. 2) adalah suatu premis yang bercanggah dengan fakta realiti di Malaysia. Menyoroti pelantikan wakil etnik bukan Melayu dalam jentera pentadbiran tertinggi sejak era merdeka hinggalah kini sudah ada nama tokoh etnik bukan Melayu yang menjawat jawatan terpenting seperti Jadual 1 di bawah (senarai beberapa contoh tokoh kepimpinan pada sekitar tahun 1957-2020):

**Jadual 1. (1957-2020)**

<b>Bil.</b>	<b>Era Perdana Menteri</b>	<b>Menteri Etnik Bukan Melayu</b>
1.	Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (1957-1970) <sup>i</sup>	a) Henry Lee Hau Shik Henry @ H.S. Lee *Menteri Kewangan Pertama Malaysia (1957-1959)
		b) Tan Siew Sin *Menteri Kewangan (1959-1974)
		c) V.T. Sambanthan *Menteri Kesihatan (1957-1959) *Menteri Buruh @ <i>Minister of Labour</i> , *Menteri Kerjaya, Pos & Telekomunikasi (1959-1971)
		d) Leong Yew Koh *Governor of Melaka (1957-1959) *Menteri Kehakiman (1959-1963)
		e) Omar Ong Yoke Lin *Menteri Kesihatan & Kebajikan Masyarakat (1959-1962)
		f) Lim Swee Aun *Menteri Perdagangan & Industri (1962-1969)
		g) V. Manickavasagam Pillai *Menteri Pengangkutan (1969-1970)

2.	Tun Abdul Razak Hussein (1970-1976) <sup>ii</sup>	<p>a) Tan Siew Sin *Menteri Kewangan (1959-1974)</p> <p>b) Lee San Choon *Menteri Buruh (1974-1978)</p> <p>c) Lee Siok Yew *Menteri Kesihatan (1974-1978)</p> <p>d) Ong Kee Hui * Menteri Teknologi, Penyelidikan &amp; Kerajaan Tempatan (1970-1974) *Menteri Persekitaran dan kerajaan Tempatan (1974-1976)</p> <p>e) Michael Chen Wing Sum *Menteri Tugas-Tugas Khas (1970-1974) *Menteri Perumahan dan Kampung Baharu (1974-1978)</p> <p>f) V.T. Sambanthan *Menteri Kerjaya, Pos &amp; Telekomunikasi (1957-1971) *Menteri Perpaduan Kebangsaan (1972-1974)</p> <p>g) V. Manickavasagam Pillai *Menteri Buruh (1970-1974) *Menteri Komunikasi (1974-1976)</p>
----	---	--

3	Tun Hussein Onn (1976-1981) <sup>iii</sup>	<p>a) Lee San Choon *Menteri Buruh (1976-1978) Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam (1978-1981)</p> <p>b) Ong Kee Hui *Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (1976-1978)</p> <p>c) Lee Siok Yew * Menteri Kesihatan (1976-1978)</p> <p>d) Chong Hong Nyan *Menteri Kesihatan (1978-1981)</p> <p>e) V. Manickavasagam Pillai *Menteri Komunikasi (1976-1978) *Menteri Pengangkutan (1978-1981)</p> <p>f) Michael Chen Wing Sum *Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (1978-1981)</p> <p>g) Richard Ho Ung Hun *Menteri (1978-1981)</p> <p>h) Paul Leong Khee Seong *Menteri Industri Pertama (1978-1981)</p>
---	--	---

<p>4)</p>	<p>Tun Dr Mahathir Mohamad (1981-2003) iv</p>	<p>a) Chong Hon Nyan *Menteri Kesihatan (1981-1986)</p> <p>b) Samy Vellu *Menteri Kerja Raya &amp; Kemudahan Awam (1981-1986) *Menteri Kerja Raya (1986-1989) *Menteri Tenaga, Telekom &amp; Pos (1990-1995) *Menteri Kerja Raya (1995-2003)</p> <p>c) Stephen Yong Kuet Tze *Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (1982-1990) *Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (1982-1990)</p> <p>d) Ting Chew Peh *Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (1990-1999)</p> <p>e) Ling Liong Sik *Menteri Pengangkutan (1986-2003)</p> <p>f) Chua Jui Meng *Menteri Kesihatan (1995-2004)</p> <p>g) Lim Ah Lek *Menteri Buruh / Sumber Manusia (1989-1999)</p> <p>h) Ong Ka Ting *Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (1999-2003)</p> <p>i) Fong chan ong * Sumber Manusia (1999-2003)</p> <p>j) Law Hieng Deng * Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (1999-2003)</p> <p>k) Lim Keng Yaik *Menteri Industri Utama (1999-2003)</p>
-----------	---	---

5)	Tun Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009) <sup>v</sup>	<p>a) Chua Soi Lek *Menteri Kesihatan (2004-2008)</p> <p>b) Liow Tiong Lai *Menteri Kesihatan (2008-2009)</p> <p>c) Ong Tee Keat *Menteri Pengangkutan (2008-2010)</p> <p>d) Ong Ka Chuan *Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (1990-1999)</p> <p>e) Peter Chin Fah Kui *Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (2008-2009)</p> <p>f) Ng Yen Yen *Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga &amp; Masyarakat (2008-2009)</p>
6)	Datuk Seri Mohd Najib Ab Razak (2009-2018) <sup>vi</sup>	<p>a) Koh Tsu Koon *Menteri di Jabatan Perdana Menteri (2009-2013)</p> <p>b) Palanivel Govindasamy *Menteri di Jabatan Perdana Menteri (2009-2013)</p> <p>c) Kong Cho Ha *Menteri Pengangkutan (2010-2013)</p> <p>d) Liow Tiong Lai *Menteri Kesihatan (2009-2013)</p> <p>e) Ng Yen Yen *Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga &amp; Masyarakat (2009-2013)</p> <p>f) Choor Chee Heung *Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2010-2013)</p>

7)	Tun Mahathir Mohamad (2018-2020) <sup>vii</sup>	a) Lim Guan Eng *Menteri Kewangan (2018-2020)
		b) Liew Vui Keong *Menteri di Jabatan Perdana Menteri (2018-2020)
		c) Waytha Moorthy Ponnusamy *Menteri di Jabatan Perdana Menteri (2018-2020)
		d) Xavier Jayakumar Arulanandam *Menteri Air, Tanah & Sumber Asli (2018-2020)
		e) Yeo Bee Yin *Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar (2018-2020)
		f) Theresa Kok *Menteri Industri Utama (2018-2020)
		g) Gobind Singh Deo *Menteri Komunikasi Multimedia (2018-2020)
		h) M. Kulasegaran *Menteri Sumber Manusia (2018-2020)
		i) Anthony Loke *Menteri Pengangkutan (2018-2020)
8)	Tan Sri Muhyiddin Yassin (2020-Kini) <sup>viii</sup>	a) Wee Ka Siong *Menteri Pengangkutan (2020-kini)
		b) Saravanan Murugan *Menteri Sumber Manusia (2020-kini)

**Sumber:**

<sup>i</sup>Pembentukan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu, Arkib Negara, 1981, [https://web.archive.org/web/20080303114447/http://hids.arkib.gov.my/doc/2000/ogoss/01\\_08\\_1955\\_2000.htm](https://web.archive.org/web/20080303114447/http://hids.arkib.gov.my/doc/2000/ogoss/01_08_1955_2000.htm).

<sup>ii</sup>The Official Portal of Parliament of Malaysia, Members of the Dewan Rakyat 3, 2020, <https://www.parlimen.gov.my/ahli-dewan.html?&uweb=dr&arkib=yes&vol=3&lang=en>.

<sup>iii</sup>The Official Portal of Parliament of Malaysia, Members of the Dewan Rakyat 4, 2020, <https://www.parlimen.gov.my/ahli-dewan.html?&uweb=dr&arkib=yes&vol=4&lang=en>.

<sup>iv</sup>The Official Portal of Parliament of Malaysia, Members of the Dewan Rakyat 5, 2020, <https://www.parlimen.gov.my/ahli-dewan.html?&uweb=dr&arkib=yes&vol=5&lang=en>.

The Official Portal of Parliament of Malaysia, Members of the Dewan Rakyat 6, 2020, <https://www.parlimen.gov.my/ahli-dewan.html?&uweb=dr&arkib=yes&vol=6&lang=en>.

The Official Portal of Parliament of Malaysia, Members of the Dewan Rakyat 7, 2020, <https://www.parlimen.gov.my/ahli-dewan.html?&uweb=dr&arkib=yes&vol=7&lang=en>.

The Official Portal of Parliament of Malaysia, Members of the Dewan Rakyat 8, 2020, <https://www.parlimen.gov.my/ahli-dewan.html?&uweb=dr&arkib=yes&vol=8&lang=en>.

The Official Portal of Parliament of Malaysia, Members of the Dewan Rakyat 9, 2020, <https://www.parlimen.gov.my/ahli-dewan.html?&uweb=dr&arkib=yes&vol=9&lang=en>.

<sup>v</sup>Senarai Lengkap Menteri, *Timbalan, Malaysiakini*, 18 Mac 2008, <https://www.malaysiakini.com/news/80008>.

<sup>vi</sup>Senarai Penuh Kabinet Baru Najib', *Malaysiakini*, 28 Julai 2015, <https://www.malaysiakini.com/news/306464>.

<sup>vii</sup>Barisan Menteri Kabinet Malaysia 2018, *Astro Awani*, 2 Julai 2020, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/barisan-menteri-kabinet-malaysia-2018-179456>.

<sup>viii</sup>Senarai Penuh Kabinet, *Berita Harian*, 9 Mac 2020, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/663532/senarai-penuh-kabinet>.

Berdasarkan Jadual 1, terdapat beberapa tokoh etnik bukan Melayu yang telah memegang jawatan yang penting dan menabur jasa serta sumbangan bakti kepada negara tercinta, Malaysia. Jika diamati, jawatan Menteri Kewangan pertama dan kedua telah disandang oleh dua orang Menteri dari etnik bukan Melayu, iaitu H.S. Lee (1957-1959) dan Tan Siew Sin (1959-1974). Tempoh masa Tan Siew Sin menjadi Menteri Kewangan adalah yang paling lama, iaitu selama 15 tahun dan berkhidmat bawah dua orang Perdana Menteri (era Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Tun Abdul Razak Hussein).

Walau bagaimanapun, sejak tercetusnya Tragedi 13 Mei 1969, berlaku beberapa perubahan struktur jawatan pentadbiran negara khususnya selepas Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri Malaysia menggantikan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Perubahan ini dilakukan untuk memberi fokus kepada usaha menaiktaraf pembangunan sosioekonomi etnik Melayu agar lebih seimbang dengan etnik bukan Melayu dengan pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970 (Hashim Haji Musa, 2009, p. 68). Perubahan paling ketara adalah jawatan Menteri Kewangan terus digalas sama ada oleh Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri ataupun individu yang dianggap berkebolehan dalam hal-ehwal kewangan negara. Selepas Tan Siew Sin menjawat jawatan tersebut, jawatan Menteri Kewangan telah disandang oleh Tun Hussein Onn (1974-1976) sebagai Timbalan Perdana Menteri kepada Tun Abdul Razak Hussein.

Seterusnya, bermula era Perdana Menteri ketiga dan keempat, iaitu Tun Hussein Onn dan Tun Mahathir, terdapat tiga tokoh tersohor ekonomi telah dilantik sebagai Menteri Kewangan, iaitu Tengku Razaleigh Hamzah (1976-1984), Tun Daim Zainuddin (1984-1991) dan Dato' Seri Anwar Ibrahim (1991-1998). Namun, apabila berlaku perbalahan politik antara Tun Mahathir dan Anwar Ibrahim sekitar tahun 1998, maka jawatan Menteri Kewangan telah dijabat oleh Perdana Menteri sendiri bermula dengan Tun Mahathir (sejak tahun 1998), Tun Abdullah Badawi (Perdana Menteri kelima) dan Datuk Seri Mohd Najib Razak (Perdana Menteri keenam). Apabila Tun Mahathir dipilih sekali lagi untuk mengemudi negara sebagai Perdana Menteri ketujuh, jawatan Menteri Kewangan diberikan semula kepada Menteri yang lain, iaitu Lim Guan Eng (2018-2020) dan Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz semasa era Perdana Menteri kelapan, Tan Sri Muiyiddin Yassin. Bersandarkan kepada senario pelantikan jawatan Menteri Kewangan sebagai antara jawatan tertinggi negara, maka adalah tidak tepat jika dikatakan bahawa etnik bukan Melayu tidak pernah dipertanggungjawabkan untuk menggalas amanah ini. Sebaliknya fakta yang pasti ialah etnik bukan Melayu sentiasa diperlukan bagi mengurus kewangan negara dari masa ke semasa bergantung kepada suasana suhu politik dalaman negara.

Selain itu, pelantikan sejumlah etnik bukan Melayu untuk mengisi jawatan kementerian Kabinet Kerajaan sentiasa ada sejak era Tunku Abdul Rahman hingga kini. Purata jumlah pelantikan adalah sekitar 8 hingga 11 Menteri dalam Kabinet Kerajaan kecuali semasa era Tan Sri Muiyiddin Yassin yang hanya ada dua Menteri etnik bukan Melayu dilantik, iaitu Wee Ka Siong (Menteri Pengangkutan) dan Saravanan Murugan



(Menteri Sumber Manusia). Pelantikan hanya dua orang Menteri ini adalah difahami kerana jumlah kerusi dalam Kerajaan Perikatan (PN) mewakili etnik Cina dan India khasnya adalah terlalu kecil. Berlandaskan istiqamahnya pelantikan etnik bukan Melayu sebagai anggota Kabinet Kerajaan telah menafikan tohmahan bahawa kepimpinan etnik bukan Melayu diabaikan.

Berkemungkinan ada dakwaan yang mengatakan bahawa jawatan Menteri yang diberikan kepada etnik bukan Melayu adalah bukannya jawatan tertinggi atau utama. Hakikatnya, dakwaan seperti ini adalah sempit dan tidak berasas sama sekali. Dalam kajian ini ingin diajukan pertanyaan, iaitu adakah jawatan Menteri yang diberikan kepada etnik bukan Melayu seperti mengurus-tadbir hal-ehwal kesihatan, sumber manusia, sains dan alam sekitar, media komunikasi, pengangkutan, perpaduan sosial, ekonomi pelancongan, perumahan dan kerajaan tempatan tidak penting? Bukankah kesemua jawatan kementerian ini berkait rapat dengan kebajikan rakyat (*people livelihood*) dan tahap pembangunan sosioekonomi negara? Jika dilihat krisis yang melanda negara pada hari ini, iaitu berdepan dengan pandemik global, bukannya ini melibatkan kesemua kementerian khususnya perihal kesihatan dan ekonomi yang telah diberikan tanggungjawabnya kepada etnik bukan Melayu? Di manakah 'kononnya' bahawa kesemua kementerian tersebut adalah tidak penting?

Dalam memerihalkan kesemua pelantikan tersebut bukanlah bermaksud bahawa etnik bukan Melayu akan menjawat jawatan Menteri yang tidak penting tetapi sebenarnya apa yang paling mustahak sejauhmana kemampuan mereka memaju dan memperbaiki sistem pentadbiran yang ada ke tahap yang lebih baik. Inilah persoalan yang lebih utama. Selain itu, kerjasama padu antara semua Menteri yang dilantik adalah sangat diperlukan untuk memastikan segala perancangan yang telah diatur dapat dilaksanakan dengan cemerlang dan bukannya mempolitikkan jawatan Menteri yang dipertanggungjawabkan. Dalam erti kata yang lain, aspek penilaian sepatutnya ditumpukan kepada tahap keberkesanan pelaksanaan bukannya betapa tinggi darjatnya sesuatu jawatan tersebut.

Selanjutnya, untuk menepis lagi kenyataan bahawa etnik bukan Melayu tidak diberikan ruang untuk menjawat jawatan tertinggi kerajaan, maka kajian ini berpendapat bahawa kenyataan tersebut gagal memerhatikan perkembangan pelantikan jawatan Menteri di peringkat negeri. Tidak perlu menganalisis semua negeri memadai melihat kepada Negeri Sabah dan Sarawak yang sememangnya memiliki lebih daripada 40 etnik. Fokus perbincangan artikel mungkin terlupa bahawa Ketua Menteri pertama Sarawak adalah berdarah keturunan etnik Iban-Cina, iaitu Stephen Kalong Ningkan @ Mok Teck Boon (1963-1967). Bagi negeri Sabah pula tokoh pemimpin etnik bukan Melayu yang pernah menjadi Ketua Menteri Sabah ialah seperti Tan Sri Datuk Peter Lo Sui Yin (1965-1967), Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee (1996-1998) dan Tan Sri Datuk Chong Kah Kiat (2001-2003).

## Kesimpulan

Secara faktanya, tidak dapat dinafikan bahawa perbincangan dan kupasan dalam artikel James Chin berjaya memperlihatkan kupasan faktor-faktor terpenting yang menyebabkan tumbanganya Kerajaan PH dalam mentadbir negara pada bulan Februari 2020 yang lalu. Terdapat beberapa kelemahan ketara khususnya dari sudut perbahasan yang tidak berdasarkan kepada realiti politik dan Perlembagaan Negara. Sewajarnya wacana perbincangan perlu lebih bersifat menyeluruh dan bersifat ilmiah terutama dalam membicarakan sekumpulan istilah yang dianggap sebagai '*fundamental*' dan asas demi memelihara kerukunan dan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini telah memberikan penjelasan khasnya kepada tiga faktor tumbanganya Kerajaan PH, iaitu konsep Ketuanan Melayu, kaum Melayu belum bersedia berkongsi kuasa dan kedudukan etnik bukan Melayu dalam jawatan tinggi pentadbiran. Berdasarkan kepada penemuan kajian ternyata bahawa ketiga-tiga faktor tersebut telah dianalisis dalam ruang yang sempit dan tidak berlandaskan kepada Kontrak Sosial, lanskap politik dan Perlembagaan Negara.

Seyogianya, penjelasan yang dibincangkan di dalam kajian ini dapat memperluaskan skop perbincangan dan memberikan maklumat ilmiah bermanfaat terutamanya kepada generasi muda masa kini.

## **Rujukan**

- Asyikin Asmin & Erdiehazzuan Ab Wahid. (2020). BN, PN, PBS tubuh Gabungan Rakyat Sabah. *Sinar Harian*. 12 September. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/100755/Pilihan-Raya/PRN-Sabah/BN-PN-PBS-tubuh-Gabungan-Rakyat-Sabah>.
- Barraclough, Simon. (1985). The dynamics of coercion in the Malaysian political process. *Modern Asian Studies*. 19, 4, 797-822.
- Beng, Ooi Kee. (2007). *The reluctant politician: Tun Dr Ismail and his time*. Pasir Panjang, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS).
- Federal Constitution. (2018). Legal Research Board. Federal Constitution. Petaling Jaya, Selangor: International Law Book Services.
- Hashim Haji Musa. (2009). The evolution of Islamic-cultural fusion, identity, Islamic resurgence and current challenges in the Malay life. *Jurnal Pengajian Melayu/Journal of Malay Studies (JOMAS)*, Jil. 20 (1), 51-81.
- Hayati Ibrahim. (2020). Bumiputera akan dijadikan bangsa usahawan – Muhyiddin. *Harian Metro*, 13 Ogos. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/08/609808/bumiputera-akan-dijadikan-bangsa-usahawan-muhyiddin-metrotv>.
- Junhairi Alyasa. (2020). 114 Ahli Parlimen Duduk di Kerusi Kerajaan, *Sinar Harian*, 18 Mei. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/84047/BERITA/Nasional/114-ahli-Parlimen-duduk-di-kerusi-kerajaan>.
- Koon, Reng Pek. (1996). Chinese responses to Malay hegemony in Peninsular Malaysia 1957-96. *Southeast Asian Studies*. 34, 3 Disember 1996. Retrieved from <https://kyoto-seas.org/pdf/34/3/340304.pdf>.
- Mahanum Abdul Aziz & Faris Fuad. (2017). PM lancar BETR 2.0, *Berita Harian*, 19 April 2017. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/04/273463/pm-lancar-betr-20>.
- Malaysiakini. (2010). Ketuanan Melayu untuk kaburkan ketuanan Anwar. 1 Disember. Retrieved from <https://www.malaysiakini.com/news/149648>.
- Milne, R. S. (1965). Political Parties in Sarawak and Sabah. *Journal of Southeast Asian History*, 6 September 1965, 2, pp. 104-117.
- Mohamed Mustafa Ishak. (2014). *The Politics of Bangsa Malaysia: Nation-Building in a Multiethnic Society*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Zahir Haqim. (2016). Abdullah Kok Lanas, Mantan Setiausaha Politik Tun Razak, Mantan Ketua Editor NST Meninggal Dunia. *Sarawakvoice*, 12 Jun. Retrieved from <https://sarawakvoice.com/2016/06/12/abdullah-kok-lanas-politik-isa-dan-tokoh-wartawan/>.
- Moten, Abdul Rashid. (2011). Changing political culture and electoral behaviour in Malaysia. *Asian Affairs: An American Review*. 38, 1 (January-March 2011), pp. 39-56.

- Muhamad Ahmar Mahmad. (2019). Persepsi pelajar 1 Malaysia terhadap kursus hubungan etnik: Satu kajian di UUM, *Jurnal Pengajian Melayu/Journal of Malay Studies (JOMAS)*, Jil. 30 (1), 92-107.
- Nazri Muslim. (2015). *Islam dan Melayu dalam perlembagaan: Tiang seri hubungan etnik di Malaysia*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Anuar Nik Mahmud, Muhammad Haji Salleh & Abd. Ghapa Harun. (2011). *Biografi Tun Abdul Razak: Negarawan dan Patriot*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Paridah abd. Samad. (2009). *Tun Abdul Razak: Fenomena politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Partisan Publications & Distribution.
- Radzi Bujang & Harun Yahya. (2018). GPS wadah perjuangan 'Anak Sarawak'. *Berita Harian*. 19 November 2018. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/11/499887/gps-wadah-perjuangan-anak-sarawak>.
- Rizal Yaakop. (2011). 'Malaysian Malaysia' versus Keabsahan Ketuanan Melayu dan Negara Islam. *Jurnal Melayu*. (6), pp. 121-136.
- Singh. Bilveer. (2010). Malaysia in 2009: Confronting old challenges through a new leadership. *Asian Survey*. 50, 1 (January/February), pp. 173-184.
- Syed Husin Ali. (2008). *The Malays: Their problems & future*. Petaling Jaya, Selangor: The Other Press Sdn. Bhd.
- Tilman, Robert O. (1964-1965). The Sarawak political scene. *Pacific Affairs*. Winter, 37, 4, pp. 412- 425.
- Tilman, Robert O. (1976). Mustapha's Sabah, 1968-1975: The Tun steps down. *Asian Survey*. 16 Jun 1976, 6, pp. 495-509.
- Turnbull. C.M. (1987). The post-war decade in Malaya: The settling dust of political controversy. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 60, 1 (252), 7-26.
- Wan Ji Wan Hussin. (2018). Hubungan ketuanan Melayu dan agama (Bhg. 1). *Malaysiakini*, 5 November 2018. Retrieved from <https://www.malaysiakini.com/news/450606>.
- Yunus Tasim. (2019). Beranikah DAP tinggalkan gagasan 'Malaysian Malaysia'? 25 Mac 2019. Retrieved from <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/03/25/beranikah-dap-tinggalkan-gagasan-malaysian-malaysia/>.